

Terengganu tekad tambah koleksi juara acara basikal

Arau: Dua pingat emas sudah berada dalam tangan dan kini misi seterusnya buat skuad berbasikal Terengganu ialah mencari dua lagi pingat yang sama warnanya ketika saingan acara ujian masa individu bermula hari ini di Seriab.

Kini mereka berharap dua atlet wanita dan dua lelaki yang sudah menempatkan diri dalam acara final berlangsung di Lebuhraya Kuala Perlis - Changlun itu akan dapat beraksi baik bagi mengukuhkan kedudukan mereka selaku pasukan pilihan.

Pengurus pasukan, Zulkarnain Abdullah, berkata harapan utama disandarkan dalam acara lelaki yang akan diwakili oleh Mohd Nor Aiman Zarif serta Badrul Hakimi Abd Hamid.

Selain itu, katanya, kategori wanita akan menyandarkan harapan kepada Nur Aisyah Mohd Zubir dengan semua pelumba berkenaan diyakini mampu menghadihkan pingat buat pasukan.

Latihan intensif

"Kita sudah dapat dua emas menerusi acara merentas desa dan downhill lelaki, ini adalah peluang kita untuk menambah kilauan emas menerusi dua pingat yang dipertandingkan dalam acara ujian masa individu," katanya.

Zulkarnain berkata, pasukan berkenaan sudah mengadakan latihan intensif di Chiengrai, Thailand untuk persiapan ke SUKMA 2014 selain empat hari berada di negeri ini untuk membiasakan diri dengan tempat pertandingan.

Skuad Terengganu disasarkan untuk mencipta lapan emas menerusi acara berbasikal pada SUKMA kali ini - antara sukan paling banyak diberikan harapan selain kenu dan olahraga.

*BEPITA HARIAN
28/5/14*